

Jaya ke pengajian perubatan NUS




Foto KHALID BABA

MESKIPUN berbeza latar belakang, impian mereka semuanya sama.

Lima anak muda ini bakal bergelar mahasiswa di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS).

Usaha dan kerja keras adalah kunci kejayaan bagi pelajar (*dari kiri*) Cik Norhashirin M Norman, Cik Aqilah Faaiqah Shamsuri, Cik Aqilah Dariah Mohd Zulkarnain, Cik Isrin Farhana Anwardeen dan Encik Sheikh Izzat Zainal-Abidin Bahajaj.

Mereka berkongsi cita-cita yang sama muah membantu rakyat Singapura dalam bidang perubatan.

Harapan mereka adalah supaya belia Singapura akan sentiasa bersemangat dan melakukan yang terbaik dalam mengejar impian mereka.

Semester pertama bermula pada 14 Ogos ini dan mereka bakal meraih segulung ijazah lima tahun kemudian.

Laporan lanjut di Muka 16.

Lima pelajar bakal melanjutkan pelajaran mereka di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura bulan ini.
SITI NUR 'ALIAH GHAZALI (sghazali@sph.com.sg) dan AINUN MARDHIAH MOHSIN (smohsin@sph.com.sg) melaporkan.

Barah ibu dorong impian jadi doktor

TIDAK dinafikan tidak ramai pelajar politeknik yang berjaya melanjutkan pelajaran di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS).

Namun, Cik Aqilah Faaiqah Shamsuri, 21 tahun, berjaya membuktikan sebaliknya.

Gadis muda ini berjaya meraih purata gred kumulatif (CGPA) 3.98 di Politeknik Republic dalam jurusan sains biomedikal.

"Saya bersyukur sekali kerana diberi peluang melanjutkan pelajaran saya di NUS. Selain itu, saya rasakan seperti segala kerja keras saya berbaloi selama ini."

"Saya juga dapat membuktikkan kepada orang lain bahawa pelajar politeknik juga mampu memasuki bidang perubatan walaupun perjalannnya lebih susah," kata Cik Aqilah Faaiqah.

Pada 2014, Cik Aqilah Faaiqah yang mengikut ibu bapa bermastautin di Dubai, Amirah Arab Bersatu, ketika berumur 10 tahun telah mengambil keputusan melanjutkan pelajarannya di Singapura.

"Setelah pulang ke Singapura, ibu bapa saya berpesan bahawa saya harus kuat berusaha dan bekerja keras.

"Pelajar di Singapura kuat berdaya saing dan ini berbeza dengan pelajarannya harus sentiasa memotivasi diri sendiri," ujar beliau.

Menyikap kembali tentang kenangan beliau selama bergelar pelajar di Politeknik Republic, Cik Aqilah Faaiqah berkata:

"Pada tahun kedua politeknik, saya telah memikul beberapa jawatan tinggi di persatuan sekolah saya.

"Ini membuat saya lebih fokus kepada persatuan tersebut berbanding pelajaran saya. Namun, apa yang saya dapat ialah betap pentingnya seseorang tahu akan cara pembelajaran yang paling sesuai buat dirinya."

Menurut beliau, pembelajaran baginya berlaku di dalam kelas apabila beliau akan memastikan sebelum tamat sesebuah kelas, setiap soalan di mindanya akan terjawab.

Pada tahun lalu, ibu Cik Aqilah Faaiqah telah didiagnosis dengan penyakit barah ovarii dan rahim. Ini mendorong beliau merealisasikan impianinya sejak kecil mahu menjadi seorang doktor.

"Pada saya, sebagai seorang doktor, kita bukan sahaja dapat memberi sokongan kepada pesakit malah ia juga disertakan dengan ilmu perubatan yang kukuh," katanya.

Beliau yang belum pasti lagi bidang kedoktoran yang ingin didalamnya berkata salah satu bidang yang menarik minatnya adalah sebagai pakar sakit puas.

"Saya pernah dinasihatih bahawa jika saya ingin menjadi seorang doktor, saya harus melakukannya dengan hati yang murni. Seorang doktor itu harus memikirkan tentang keperluan pesakitnya sebelum kemahuannya sendiri," katanya.

Cik Aqilah Faaiqah juga menasihati mereka yang melalui perjalanan pelajaran yang lebih jauh berbanding yang lain supaya sentiasa fokus kepada matlamat mereka dan bekerja keras demi mencapainya.



KATA-KATA IBU BAPA PEMBAKAR SEMANGAT: Setelah pulang ke Singapura untuk melanjutkan pelajarannya, Cik Aqilah Faaiqah Shamsuri diingat oleh ibu bapanya bahawa untuk berjaya di Singapura, seseorang harus sentiasa bekerja keras. — Foto-foto KHALID BABA



BERAZAM MAHU SENTIASA MEMBANTU: Cik Aqilah Dariah Mohd Zulkarnain ingin menjadi doktor supaya dapat membantu keluarga tercinta dan orang di sekelilingnya.



MINAT BIDANG KEDOKTORAN: Setelah meraih ijazah kepujian kelas pertama bidang radiografi di Universiti Monash, Cik Norhashirin sedar minat beliau adalah merawat pesakit.



PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT: Ibu Cik Isrin Farhana merupakan sumber inspirasi beliau untuk terus belajar dan merealisasikan impianinya menjadi seorang doktor.

'Penuntut terpilih merupakan antara yang terbaik'

MENDAPAT tempat dalam pengajian perubatan di universiti tempatan bukan satu proses mudah dan bakal pelajar perlu menjalani proses pemilihan yang ketat.

Tiga doktor yang diinterviu *Berita Harian* berpendapat bahawa mereka yang diterima amat bertuah kerana merupakan antara yang terbaik.


Pakar jantung Dr Abdul Razakjir Omar yang sudah lebih 20 tahun berkhidmat dalam bidang perubatan berkata: "Dedikasi dan pengorbanan perlu bagi seorang doktor. Selain itu, kerjaya sebagai seorang doktor adalah sebuah proses pembelajaran sepanjang hayat."

Menurut Dr Elly Sabrina Ismail pulak, ia merupakan pencapaian besar bagi yang diterima ke dalam bidang perubatan dan mereka harus menempuh banyak proses mencabar.

"Selain perlu mendapat markah yang baik, mereka harus melalui proses pemilihan dengan sesi temu duga dan juga ujian yang lain."

"Untuk menjadi seorang doktor, seseorang harus mempunyai semangat dan daya tahan yang jitu," kata beliau.

Presiden Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA), Dr Zuraimi Mohamed Dahlani, berkata: "Tidak semua yang menjalani ujian untuk masuk ke dalam bidang perubatan akan lulus, jadi tahniah bagi mereka."



CITA-CITA SEJAK MUDA: Sejak berumur tujuh tahun, Encik Sheikh Izzat Zainal-Abidin Bahajaj bercita-cita mahu menjadi seorang doktor.

Minat jadi pakar sakit puas

BAGI Cik Aqilah Dariah Mohd Zulkarnain, beliau berasa syukur kerana bakal melanjutkan pelajarannya di Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam jurusan perubatan.

Gadis berumur 19 tahun ini tidak menafikan bahawa tidaklah mudah diterima masuk ke Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS.

"Perjalanan saya baru sahaja bermula dan tidak saya nafikan bahawa ia pastinya perjalanan yang sukar sekali. Namun, saya berasa gembira kerana telah mengambil keputusan melanjutkan pelajaran dalam jurusan perubatan."

"Ia bukan keputusan yang mudah dan saya mengambil masa yang lama menerima tawaran yang diberi," ujar beliau.

Cik Aqilah Dariah, yang pernah dinobatkan sebagai pelajar Melayu terbaik bagi keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE), mengekalkan prestasi yang baik sepanjang bergelar pelajar di Sekolah Perempuan Raffles dan Raffles Institution (Tahun 5-6).

Namun, beliau tidak menafikan ketika berada di tahun 5 di Raffles Institution, beliau harus bijak mengimbangi masa antara pelajaran dengan kegiatan sukan iaitu bola sepak.

"Ketika saya berada di tahun 5, keputusan peperiksaan saya tidak berapa memuaskan pada permulaannya. Saya belum terbiasa mengimbangi masa antara pelajaran dengan kegiatan lain. Namun begitu, saya mengajar diri sendiri berdisiplin dan harus bijak mengutamakan mana yang lebih penting," katanya.

Impian Cik Aqilah Dariah mahu menjadi seorang doktor diidorong oleh keinginan beliau membantu keluarga tercinta dan orang di sekelilingnya.

"Saya lihat ramai orang di sekeliling saya yang berpenyakit seperti penyakit kencing manis dan saya ingin melakukan sesuatu untuk membantu. Jika saya menjadi seorang doktor, saya pasti dapat menasihati mereka," kata anak bongsu dua beradik itu.

Apabila ditanyakan tentang bidang kedoktoran yang ingin beliau dalam, Cik Aqilah Dariah berkata: "Saya berminat menjadi seorang pakar sakit puas atau seorang doktor keluarga."

"Saya rasakan bahawa lebih ramai wanita akan bersa selesa jika adanya lebih ramai pakar sakit puas wanita."

"Selain itu juga, saya selesa dengan keadaan di dalam sebuah klinik keluarga. Saya gemar berinteraksi dengan ibu bapa dan anak mereka."

Kini kejar ijazah kedua

PERTAMA kali bertemu dengan gadis muda ini, pasti ramai tidak akan percaya beliau berumur 24 tahun.

Bukan itu sahaja, beliau sudah berjaya meraih sejuta ijazah sarjana muda kepujian kelas pertama dalam jurusan radiografi di Universiti Monash, Cik Norhashirin.

Mulai dari situ, beliau mula menyederai bahawa minatnya adalah dalam mendiagnosa dan merawat pesakit.

Cik Norhashirin M Norman ingin melakukan lebih daripada hanya merekod imej struktur dalaman badan seseorang pesakit.

Oleh itu, beliau membuat keputusan mengambil ijazah sarjana muda kedua beliau dalam jurusan perubatan di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS).

"Ibu saya, Cik Hasnani Kasim, sering berpesan bahawa jika kita bekerja keras, sistem pendidikan Singapura yang berlandaskan prinsip meritokrasi pasti akan membantu kita mencapai matlamat kita," katanya.

Bagi Cik Norhashirin, kerja keras adalah penting jika seseorang ingin berjaya. Selain itu, keadaan sekelling yang baik juga dapat membantu seorang pelajar ketika mengulang kaji.

"Saya bersyukur ibu bapa saya sentiasa memberi sokongan. Ia juga amat penting bagi seseorang itu mencari cara pembelajaran paling berkesan," tambah beliau.

Menyikap kembali kenangan ketika menuntut di Universiti Monash, Cik Norhashirin berkata: "Selama tiga tahun berada di Melbourne, saya tidak dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri di Singapura. Ini membuatkan saya berasa amat rindu kepada keluarga di Singapura.

"Namun begitu, saya bersyukur kerana mempunyai sistem sokongan yang kuat daripada keluarga dan juga sahabat baik di Singapura mahupun Melbourne."

Apabila ditanyakan tentang bidang kedoktoran yang ingin beliau dalam, Cik Norhashirin masih belum pasti.

Namun, beliau berkata akan mendalamidi dalam kedoktoran yang memerlukan lebih ramai pakar terutamanya dalam konteks Singapura.

"Saya ingin membantu dalam bidang penyelidikan dan sambil itu mengetahui apa yang masyarakat perlukan daripada segi perubatan," katanya.

Cik Norhashirin juga berkata: "Saya percaya bahawa setiap orang mempunyai impian mereka sendiri."

"Mereka harus berani mengejar impian, bekerja keras dengan minda yang positif dan selalu berdoa untuk yang terbaik."

Ibu, doktor famili sumber inspirasi

PERASAAN gembira dan bersyukur Cik Isrin Farhana Anwardeean tidak dapat disembunyikan apabila beliau mendapat keputusan diterima masuk Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS).

Sekjak dahulu lagi, beliau bercita-cita menjadi doktor. Sokongan keluarga yang tidak henti dan yang memberi ruang memilih bidang yang ingin diceburi banyak membantu gadis tersebut.

"Penerimaan saya di NUS merupakan satu langkah dekat dengan impian saya. Sekwaktu saya di menengah empat, saya selalu mendapat gred A akan tetapi pada awalnya di Raffles Institution (Tahun 5-6), saya mendapat gred C.

"Saya berasa kurang semangat pada waktu itu berpasu dengan impian saya. Sekwaktu saya di menengah empat, saya selalu mendapat gred A akan tetapi pada awalnya di Raffles Institution (Tahun 5-6), saya mendapat gred C.

Semasa tahun kedua di Raffles Institution, beliau belajar bersungguh-sungguh setelah membuang segala pemikiran negatif. Beliau memulakan persediaan awal bagi peperiksaan GCE peringkat 'A'.

Menurutnya, beliau mula belajar daripada selepas kelas hingga 9 malam setiap hari.

"Semua orang di sekolah juga akan belajar, saya akan rasa bersalah jika pulang awal apabila kawan yang lain sedang sibuk belajar," katanya sambil ketawa.

Terdapat dua orang yang memberikan inspirasi. Pertama ialah ibunya sendiri, Cik Rejaya Banu.

"Ibu saya hanya dapat bersekolah hingga beliau berumur 12 tahun. Beliau mempunyai cita-cita agar saya makna ke universiti," ujar beliau.

Hal itu telah membuatkan ibunya ingin menjadi doktor dan mahu memenuhi impian ibunya.

Selain itu, beliau ingin menjadi seperti doktor keluarga yang sering dikunjungi dan keluarganya dahul.

"Doktor tersebut sangat baik dan membuatkan kami berasa selepas seperti keluarga sendiri," katanya.

Cik Isrin Farhana ingin menjadi doktor keluarga kerana beliau berasa dapat berinteraksi dengan kanak-kanak dengan baik.

Namun, apabila beliau sedar akan kurangnya doktor dalam bidang geriatrik, beliau berharap menjadi doktor dalam konteks Singapura.

"Arwah mak cik saya berkenan memberi mungkin pada waktu itu saya masih tidak mampu membantunya, namun apabila saya dewasa dengan menjadi doktor saya akan dapat membantu mereka yang senasib denganannya," cerita Encik Sheikh Izzat.

Menurutnya, walaupun kematiannya memang sesuai yang tidak dapat diejekkan, selagi terdapat beliau mahu membantu orang sakit dan menyelamatkan nyawa mereka.

Nasib mak cik membuka mata

SHEIKH Izzat Zainal-Abidin Bahajaj berasa gembira dan bersyukur apabila diterima masuk ke Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS).

Menurutnya, segala yang diusahakan bukan atas hal dirinya sendiri sahaja, bahkan ahli keluarga banyak membantunya dalam mencapai impianinya.

Selain itu, guru-gurunya juga banyak membantu dan menasihatinya dalam membuat pilihan bagi kerjayanya kelak.

Bekas pelajar Raffles Institution (Tahun 5-6) itu juga mengatakan bahawa seseorang harus bekerja keras demikian mencapai impianinya.

"Pastinya bekerja keras itu penting, mujurlah keadaan sekeling di sekolah banyak membantu dan menasihatinya dalam membuat pilihan bagi kerjayanya.

Menurut Encik Sheikh Izzat, beliau dari rakan-rakan daripada Raffles Institution sekurang-kurangnya akan belajar 10 hingga 12 jam setiap hari lebih-lebih lagi apabila musim perperiksaan sudah dekat.

"Inggimbang masa dalam pelajaran dengan tuntutan dalam hal ini adalah penting. Contohnya, ada kalanya saya harus berkorban tidak mengikuti keluarga pergi ke majlis perkahwinan atau jalan Raya tetapi bukan selaras setiap masa," kata anak sulung dua beradik itu.

Selain itu, beliau juga telah menyertai Kelab Penerangan Belia Singapura (SYFC) pada Ogos 2014 dan telah menamatkan kursus tersebut pada tahun kelimanya di Raffles Institution.

Encik Sheikh Izzat berkata beliau mula berminat menjadi doktor ketika berusia tujuh tahun. Arwah mak ciknya menghadapi barah kolorektal, dan beliau telah bertanyakannya mak ciknya cara beliau dapat menolongnya.

"Arwah mak cik saya berkenan memberi mungkin pada waktu itu saya masih tidak mampu membantunya, namun apabila saya dewasa dengan menjadi doktor saya akan dapat membantu mereka yang senasib denganannya," cerita Encik Sheikh Izzat.

Menurutnya, walaupun kematiannya memang sesuai yang tidak dapat diejekkan, selagi terdapat beliau mahu membantu orang sakit dan menyelamatkan nyawa mereka.

"Nasihat saya kepada orang ramai adalah meneruskan minat mereka dengan bersungguh-sungguh."

"Tidak mengapa jika kita masih tidak tahu apa yang ingin kita cuba, namun usaha dan kerja keras itu penting," katanya lagi.